

IMBUHAN *SE-* DALAM DATA KORPUS BAHASA MELAYU: CERAPAN PERILAKU MORFOLOGI

MOHAMAD HAKIMI MOHAMAD

Universiti Kebangsaan Malaysia

a188245@siswa.ukm.edu.my

KARTINI ABD. WAHAB

Universiti Kebangsaan Malaysia

kartini@ukm.edu.my

ABSTRAK

Kemunculan imbuhan *se-* atau *sa-* dalam bahasa Melayu sudah wujud sejak zaman bahasa Melayu Purba. Namun, imbuhan *se-* ini dilihat jarang sekali diketengahkan kajian berkenaan secara khusus selain yang termaktub dalam buku-buku tatabahasa Melayu secara tuntas, apatah lagi memerihalkan aspek perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, makalah ini bertujuan untuk mengidentifikasi kata berimbuhan *se-* dalam data korpus bahasa Melayu berdasarkan panduan Prinsip Identifikasi Morfem (PIM) oleh Nida (1949) serta menganalisis perilaku morfologi imbuhan *se-* tersebut. Dalam meniti era perkembangan teknologi dan ledakan maklumat pada masa kini, kajian morfologi yang berorientasikan pendekatan kajian kualitatif ini telah memanfaatkan data korpus DBP dan Kamus Dewan Perdana (KDP) sebagai sampel utama dalam pemerolehan data. Ringkasnya, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan bertechnikkan analisis korpus. Penganalisisan data dalam kajian ini telah mengaplikasikan Rumus Pembentukan Kata (RPK) oleh Mark Aronoff (1985) bagi mencerap fungsi dan taburan imbuhan *se-*, manakala Teori Relevan (TR) oleh Sperber dan Wilson (1995) pula digunakan untuk mencerap makna imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu. Kajian ini mendapati bahawa perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu mempunyai dwifungsi, iaitu sebagai penetap dan pengubah golongan; 15 bentuk taburan imbuhan *se-* berdasarkan RPK yang merangkumi enam RPK dalam pengimbuhan tunggal dan sembilan RPK dalam kompleks; serta 17 makna yang dapat dicerap melalui TR. Kesimpulannya, diharapkan agar kajian berkaitan perilaku morfologi sebegini dilanjutkan penelitiannya terhadap imbuhan-imbuhan yang lain bagi memperkaya khazanah kosa ilmu morfologi bahasa Melayu seiring dengan kemajuan teknologi.

Kata kunci: Imbuhan *Se-*; Perilaku Morfologi; Korpus DBP; Rumus Pembentukan Kata; Teori Relevan

PREFIX *SE-* IN THE MALAY CORPUS DATA: MORPHOLOGICAL BEHAVIOR INSIGHTS

ABSTRACT

The emergence of the prefix *se-* or *sa-* in Malay has existed since the time of the Proto Malay Language. However, this prefix is rarely highlighted in the study in particular other than that which is enshrined in Malay grammar books completely, let alone describing the morphological aspects of affixation behavior in the Malay language. In this regard, this paper aims to identify

derivative words of prefix *se-* in the Malay corpus based on the guidelines of Nida (1949) morpheme identification principles (MIP) and analyze the morphological behavior of prefix *se-* in Malay. In the era of technological development and information today, this morphological study oriented to a qualitative research approach has utilized DBP corpus data and the Dewan Perdana Dictionary (KDP) as the main sample in data acquisition. In summary, this study uses literature methods and corpus analysis as its technique. The data analysis in this study has applied the Word Formation Rules (WFR) by Mark Aronoff (1985) to observe the function and distribution of prefix *se-*, while the Relevant Theory (RT) by Sperber and Wilson (1995) is used to mark the meaning of suffixes in the Malay language. As a result, this study found that the morphological behavior of suffix *se-* in Malay has a dual function, namely as a fixer and a group modifier; 15 forms of remuneration distribution based on WFR which includes six WFR in single affixation and nine WFR in complex affixation; and 17 meanings that can be absorbed through TR. In conclusion, it is hoped that the study related to such morphological behavior will continue its research on other affixes to enrich the vocabulary of Malay morphology in line with technological advances.

Keywords: Prefix *Se-*; Morphological Behavior; DBP Corpus; Word Formation Rules; Relevant Theory

PENGENALAN

Sepertimana hidup di alam semesta ini terbentuk daripada partikel atom sebagai unit asasnya, pembentukan kata dalam bahasa juga dibentuk melalui cantuman unit terkecilnya, iaitu morfem. Morfem merupakan unit terkecil dalam strata atau tatatingkat unit nahu yang mempunyai makna serta fungsi tatabahasanya tersendiri. Bahasa Melayu merupakan bahasa turunan daripada bahasa Austronesia dan bahasa Melayu bersifat aglutinatif yang cenderung menggunakan imbuhan atau penambahan (Saidatul Nornis, 2022). Sebagai sebuah bahasa aglutinatif yang bersifat derivatif, pembentukan kata dalam bahasa Melayu dapat dihasilkan melalui empat proses utama, iaitu pengimbuhan, pembentukan kata tunggal, pemajmukan dan penggandaan. Imran Ho Abdullah & Hazimah Yusof (2015) telah memerikan penerbitan kata sebagai proses mewujudkan kata baharu dengan makna dan konsep baharu daripada kata dasar atau kata akar sedia ada. Kata dasar ialah kata asli yang wujud sebagai satu kata dan belum pernah melalui sebarang proses morfologi. Menurut Kamus Linguistik (1997), pengimbuhan¹ atau ‘affixation’ dalam bahasa Inggerisnya telah didefinisikan sebagai proses menambah imbuhan kepada kata akar atau kata dasar. Pengimbuhan kata dalam bahasa Melayu mencatatkan keheterogenan bentuk imbuhan seperti imbuhan awalan {*beR-*, *teR-*, *peN-* dan *meN-*}, imbuhan apitan {*meN-...-kan*, *meN-...-i*, *ber-...-kan* dan *di-...-i*} atau imbuhan akhiran {-*i*, -*kan* dan -*an*}. Secara ringkasnya, kategori pengimbuhan kata dalam bahasa Melayu dikategorikan kepada dua jenis, iaitu (i) pengimbuhan tunggal yang merangkumi empat bentuk yang utama: imbuhan awalan, akhiran, sisipan dan apitan, serta (ii) pengimbuhan kompleks yang melibatkan penggabungan imbuhan dengan kata dasar terbitan (kata dasar yang sudah mengalami pengimbuhan pada strata sebelumnya).

Dari pada keseluruhan imbuhan yang ada dalam bahasa Melayu, makalah ini mencerap perilaku morfologi imbuhan *se-* secara khusus. Imbuhan *se-* atau *sa-* merupakan antara bentuk imbuhan tertua dalam bahasa Melayu selain imbuhan awalan *bar-/ba-*, *ka-*, *mar-* dan *par-* yang tersisih sewaktu transliterasi bahasa Melayu Palawa kepada Jawi dan kemudiannya kepada Rumi². Berdasarkan kajian (Shaharir Mohamad Zain, 2022) *sa* muncul pertama kalinya dalam catatan batu bersurat Campa (Vietnam) yang tertua dalam bahasa Kunlun yang bertarikh sekitar pertengahan abad ke-4M, prasasti Dong Yen Chuan (Intan, 1991; Marrison, 1975). Walau bagaimanapun, pengkaji mendapati bahawa imbuhan *se-* ini jarang sekali diketengahkan kajian

berkenaan secara khusus selain yang sudah termaktub dalam buku-buku tatabahasa Melayu secara tuntas seperti yang diusahakan oleh Za'ba (1947), C. A. Mess (1969), Ahmad Ya'qub al-Johori (2021), Ch. A. Van Ophuijsen (1983), Arbak Othman (1989), Asmah Haji Omar (2009) dan Nik Safiah Karim et al. (2015).

Berdasarkan sorotan kosa ilmu kajian lepas yang dinyatakan tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa pendapat Za'ba (1947) berkenaan makna induk atau teras bagi penambah *se-* ini ialah satu atau esa yang dipancarkan menjadi lima makna berdasarkan tujuan yang menurut beliau sedikit berbeza. Namun, Za'ba tidak membahaskan lebih lanjut berkenaan perilaku morfologi penambah *se-* daripada aspek taburan imbuhan ini, beliau hanya menyatakan kepelbagaian makna imbuhan *se-* tersebut sahaja. Tambahan pula, melalui penelitian terhadap buku nahu beraliran tradisional, iaitu kitab Lidah Melayu karya Ahmad Ya'qub al-Johori (2021), pengkaji dapat merumuskan bahawa terdapatnya beberapa makna dan taburan imbuhan *se-* yang menarik untuk diketengahkan, namun sudah tidak begitu dibahaskan lagi sekarang, iaitu pemahaman makna imbuhan *se-* sebagai penguat kata, penunjuk masa yang tetap serta penunjuk masa yang hampir bagi suatu hal keadaan. Walau bagaimanapun, pengkaji kurang bersetuji apabila pengarang meletakkan fungsi imbuhan *se-* sebagai huruf yang menjadi juzuk-juzuk kalimah atau perkataaan, misalnya *segera*, *selesai* dan *semua*. Kritikan ini dibangkitkan kerana ketidakjelasan fungsi *se-* di situ telah membawa kepada percanggahan dengan prinsip identifikasi morfem oleh Nida (1949), bahkan hanya akan membuka ruang kepada andaian fungsi suku kata lainnya sebagai juzuk kalimah juga, misalnya (*se+le+sai*) atau (*se+dap*) yang penggalan suku kata sesudah *se-* itu tidaklah dapat berdiri sebagai morfem kata dasar.

Selanjutnya, perbahasan mengenai imbuhan awalan *se-* oleh C. A. Mees (1969) dalam karyanya, Tatabahasa dan Tatakalimat (1969) pula dapat dinilaikan sebagai sangat baik dari segi olahan perbandingan antara kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Sangskerta yang sarat dengan kepelbagaian makna serta turut dinyatakan maklumat etimologi bagi kata *se-* tersebut. C. A. Mees (1969) telah menjelaskan enam makna asas bagi imbuhan awalan *se-* dalam bahasa Melayu serta empat makna *sa-* dalam bahasa Sangskerta dengan mengambil kira aspek linguistik sejarawi tentang pengaruh bahasa. Sedangkan, kajian Arbak Othman (1989) berkenaan imbuhan awalan *se-* dalam Nahu Bahasa Melayu (1989) pula dilihat sebagai suatu penyempitan terhadap makna imbuhan *se-*, iaitu sebagai imbuhan bagi kata keterangan sahaja, hanya menumpukan sebahagian kecil daripada aspek taburan imbuhan awalan *se-* serta tidak menumpukan kepada aspek kepelbagaian makna dalam usaha untuk menjelaskan perilaku morfologi imbuhan *se-*. Begitu juga dengan kajian Ch. A. Van Ophuijsen (1983) yang hanya membataskan pemerian nahu imbuhan *se-* ini dalam topik numeralia (kata bilangan) sahaja tanpa menjelaskan fungsi dan taburan imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu. Seterusnya, Asmah Haji Omar (2009) telah mengklasifikaskan taburan imbuhan awalan *se-* ini kepada empat, iaitu sebagai penambah kata bilangan, pengubah golongan, penetap golongan dan awalan adverba. Berbeza dengan Nik Safiah Karim et al. (2015) yang meletakkan imbuhan awalan *se-* sebagai awalan bagi kata adjektif, awalan bagi penggandaan separa kata berimbuhan, darjah bandingan, penanda darjah penghabisan, awalan bagi kata adverba penggandaan separa berawalan, bilangan dan binaan frasa sendi nama. Daripada aspek pemaknaan imbuhan *se-* pula, Asmah Haji Omar (2009) dilihat sebagai lebih terkehadapan dan mampu menyenaraikan tujuh penyebaran imbuhan *se-* ini meskipun tidak dinyatakan fungsi imbuhan *se-* tersebut sama ada sebagai penetap golongan atau pengubah golongan. Berikut dimuatkan ringkasan perbandingan pemerian aspek nahu imbuhan *se-* oleh tujuh orang penahu bahasa Melayu yang beraliran linguistik tradisional dan moden:

JADUAL 1. Ringkasan Perbandingan Pemerian Aspek Nahu Imbuhan *Se-*
oleh Para Penahu Bahasa Melayu

Bil.	Senarai Penahu	Ringkasan Pemerian Aspek Nahu Imbuhan <i>Se-</i>
1	Za'ba (1947)	<ul style="list-style-type: none">✓ <i>Se-</i> ini bukanlah sebenar-benar huruf penambah kerana asalnya daripada perkataaan esa yang ertiya satu dan maksud satu ini tetap ada pada <i>se-</i> dalam segala pergunaannya walaupun berlainan sedikit tujuannya.✓ Za'ba telah menggariskan lima makna penambah <i>se-</i> yang terbit apabila ia ditambahkan kepada awal perkataan asal adalah seperti berikut:<ol style="list-style-type: none">1. <i>Se-</i> membawa makna “satu” atau tunggal pada bilangan dan menganggap makna inilah yang asal, misalnya: <i>seorang, sebuah dan sebilah</i>.2. Makna “sama” atau satu yang bersamaan, iaitu tidak dengan maksud membilang, misalnya, <i>senegeri, serupa dan sebangsa</i>.3. Makna “satu yang genap menghabisi kesemuanya pada tempat atau masa”, misalnya: <i>sepanjang jalan, seumur hidup dan sehingga</i>.4. Makna “penghabisan darjah sifat”; yakni tunggal keadaannya tiada dua, tiada tiga, yang sama dengan darjah itu, misalnya: <i>sesungguhnya, senya, setiap-tiap dan sebermula</i>.5. Dipakai pada perkataan <i>seseorang, sesuatu, sesiapa</i> dan sebagainya kerana membawa makna “tiada tentu” satu-satu orang atau barang. Yang sebenarnya perkataan demikian ini ialah dipendekkan daripada sebutan dua kali, sama seperti ‘<i>jejala</i>’ dipendekkan daripada ‘<i>jala-jala</i>’✓ Selain kelima-lima maksud penambah <i>se-</i> yang telah disenaraikan oleh Za'ba ini, beliau turut menyatakan bahawa terdapat penambah <i>se-</i> yang tiada berapa terang maksudnya di situ dan terpakai pada perkataan seperti; <i>sementelahan, sekiranya, sememang, sebarang, semena-mena, selain, sesudah, semenjak</i> dan <i>sebagainya</i>.

2	Ahmad Ya'qub al-Johori (2021)	<ul style="list-style-type: none">✓ <i>Se-</i> menjadi nama bilangan sebagai ringkasan daripada satu, seperti <i>setahun</i> dan <i>sebulan</i>.✓ <i>Se-</i> menjadi huruf tambahan yang disebutkan dahulu daripada satu hal nama ataupun kepada huruf-huruf kerana hendak menambahkan <i>quwwat</i> (<i>mubālaghah</i>) makna perkataaan itu seperti <i>se-</i> pada <i>sebermula</i>, <i>sekiranya</i>, <i>sebenarnya</i>, <i>sebetulnya</i> dan <i>sebagainya</i>. Menurut beliau, jika kita buangkan imbuhan <i>se-</i> tersebut, maka tiada mencatatkan tujuan perkataaan itu, hanya terkurang <i>quwwat</i> makna perkataan tersebut.✓ <i>Se-</i> menunjukkan makna sama atau bersekutu seperti <i>sederas</i>, <i>sebesar</i>, <i>sekecil</i> dan <i>serupa</i>.✓ <i>Se-</i> menunjukkan masa yang tetap seperti <i>selama</i> dan <i>semenjak</i>.✓ <i>Se-</i> menunjukkan masa yang hampir sekali bagi suatu hal seperti <i>sebelum</i>, <i>sesudah</i>, <i>setelah</i> dan <i>setiba</i>.✓ <i>Se-</i> juga menjadi juzuk-juzuk kalimah atau perkataaan seperti <i>segera</i>, <i>selesai</i> dan <i>selagi</i>.
3	C. A. Mess (1969)	<ul style="list-style-type: none">✓ Awalan <i>se-</i> ini sifatnya berlainan sama sekali daripada imbuhan lain kerana asalnya sudah tentu kata Melayu asli iaitu <i>esa</i>, namun berdasarkan aspek perkembangan maknanya pula masih mengikuti jejak bahasa Sangskerta/Sanskrit. Dalam bahasa Melayu Indonesia, beliau telah meringkaskan kepelbagaiannya makna imbuhan <i>se-</i> tersebut kepada enam makna yang utama, iaitu:<ol style="list-style-type: none">1. <i>Esa</i> dan <i>satu</i>. <i>Sa</i>, <i>esa</i> ialah kata bilangan yang asli. Suku kata '<i>tu</i>' daripada '<i>sa/tu</i>' sebenarnya sebuah penunjuk-jenis, yang bererti awak, orang. Morfem <i>tu</i> tersebut kelihatan pula dalam bentuk plural berhormat: <i>tu/an</i> dan <i>ra/tu</i> (datu).2. <i>Se-</i> dengan makna satu-satunya yang sama yang itu juga, misalnya: <i>sekampung</i>, <i>seibu</i> dan <i>serupa</i>.3. Bermakna sama atau seperti, misalnya: <i>setinggi</i> rumah dan <i>seharga</i> emas4. Membentuk kata keterangan, misalnya: <i>sekarang</i>, <i>semalam</i> dan <i>selalu</i>.5. Membentuk kata sambung seperti <i>sebelum</i>, <i>sehingga</i>, <i>setelah</i>, <i>sebagai</i>, <i>sesudah</i> dan <i>setiba</i>. Menurut beliau, pembatasan antara kata keterangan dan kata sambung dalam bahasa Melayu/Indonesia acapkali agak sayup.6. Mempunyai erti yang menyimpang meskipun berhubung juga dengan pengertian dasar yang telah dikupaskan sebelumnya, misalnya: <i>seisi</i> = segenap isi, semuanya, seluruh. Dalam hal itu, erti <i>se-</i> sesuai dengan <i>sama</i> dalam bahasa Sangskerta yang dapat bererti: <i>semua</i> dan <i>seluruh</i>.

4	Ch. A. Van Ophuijsen (1983)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mengkategorikan imbuhan <i>se-</i> sebagai Numeralia atau Kata Bilangan (KBil). Imbuhan <i>se-</i> tersebut hanya dibincangkan sebagai: <ol style="list-style-type: none"> 1. Salah satu daripada numeralia pokok kerana <i>se-</i> merujuk kepada makna satu yang juga boleh membentuk angka lain seperti <i>seriboe, selaksa/sepoeloeh riboe, seketi/seratus riboe</i>, bahkan <i>sedjoeta</i>. 2. <i>Sa</i> dan <i>esa</i> secara tersendirinya hanya digunakan dalam ungkapan <i>Toehan jang esa</i> dan gabungan <i>koerang esa</i> atau <i>satoe</i>. 3. Numeralia pokok tak tentu, misalnya; <i>segala, semoea, sekalian, sedikit</i>
5	Arbak Othman (1989)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Imbuhan awalan <i>se-</i> ini menerbitkan kata keterangan apabila: <ol style="list-style-type: none"> 1. Imbuhan awalan <i>se-</i> diimbuhkan kepada kata dasar (selapis atau berganda) seperti; <i>sekali, sesudah, selama, sebelum, semalam, sehari</i> dan sebagainya. 2. Imbuhan awalan <i>se- +</i> kata ganti singkat <i>-nya</i> seperti; <i>sesungguhnya, selamanya, semestinya</i> dan sebagainya. 3. Imbuhan awalan <i>se- +</i> kata dasar + imbuhan akhiran <i>-an</i> seperti; <i>seharian, sebilangan, semalamaman, seorangan</i> dan sebagainya. 4. Imbuhan awalan <i>se +</i> kata dasar berganda seperti; <i>setinggi-tinggi, sebaik-baik, secerdik-cerdik</i> dan sebagainya. 5. Imbuhan awalan <i>se- +</i> gandaan kata dasar + kata ganti singkat <i>-nya</i> seperti; <i>sedapat-dapatnya, seboleh-bolehnya, sebaik-baiknya</i> dan sebagainya. 6. Imbuhan awalan <i>se- +</i> gandaan kata dasar + imbuhan akhiran <i>-an</i> seperti; <i>sehari-harian, semalam-malaman</i> dan sebagainya.
6	Asmah Haji Omar (2009)	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Mengklasifikaskan taburan imbuhan awalan <i>se-</i> ini kepada empat, iaitu sebagai penambah kata bilangan, pengubah golongan, penetap golongan dan awalan adverba ✓ Pengklasifikasian imbuhan <i>se-</i> sebagai salah satu daripada sembilan penambah untuk kata bilangan pada amnya mendukung makna “satu” dan penyebarannya adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> 1. Sebelum kata nombor penggolong. 2. Sebelum kata kuantiti tiap dan suku, yakni setiap, sesuku. 3. Sudah sememangnya merupakan unsur dari kata nombor atau kata kuantiti tertentu: setengah, separuh, sekalian. 4. Sebelum kata nombor yang sudah mendapat awalan <i>peR-</i>, misalnya <i>seperlima</i>, dan sebagainya. 5. Sebelum kata nama ukuran, misalnya <i>sehari, seela, semeter, sehasta, sekelumit, setitik, segelintir</i>. 6. Sebelum penjodoh bilangan, misalnya <i>sebuah, seorang</i>, dan sebagainya. ✓ Sebelum kata nama tertentu, misalnya <i>sekerlip</i> (mata), <i>sejenak, seimbas</i>.

7	Nik Safiah Karim et al. (2015)	✓ Imbuhan awalan <i>se-</i> diletakkan sebagai awalan bagi kata adjektif, awalan bagi penggandaan separa kata berimbuhan, darjah bandingan, penanda darjah penghabisan, awalan bagi kata adverba penggandaan separa berawalan, bilangan dan binaan FSN.
---	--------------------------------	---

Setelah menyoroti kepelbagaiannya aspek pemerian imbuhan awalan *se-* oleh para penahu bahasa Melayu yang beraliran linguistik tradisional dan moden tersebut serta melihat isu permasalahan kajian dan menilik titik kelompongan kajian terdahulu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengidentifikasi kata berimbuhan *se-* dalam data korpus bahasa Melayu berdasarkan panduan Prinsip Identifikasi Morfem (PIM) oleh Nida (1949) serta menganalisis perilaku morfologi imbuhan *se-* tersebut melalui pengaplikasian Rumus Pembentukan Kata (RPK) oleh Mark Aronoff (1985) bagi mencerap fungsi dan taburan imbuhan *se-*, manakala Teori Relevan (TR) oleh Sperber dan Wilson (1995) pula dimanfaatkan bagi mencerap makna imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu. Justeru, kajian ini akan memanfaatkan penggunaan data korpus bahasa Melayu melalui portal Korpus DBP bagi mencapai kedua-dua objektif kajian.

METODOLOGI

Secara konseptualnya, reka bentuk kajian ialah tindakan yang memperlihatkan secara terperinci bagaimana sesuatu kajian itu dijalankan (Sabitha, 2006). Reka bentuk kajian kualitatif dalam kajian ini berbentuk penelitian fenomenologi melalui kaedah kepustakaan berteknik analisis kandungan yang memfokuskan aspek perilaku imbuhan *se-* dalam data korpus bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan, kaedah kepustakaan serta pemanfaatan data korpus DBP. Kajian ilmiah ini turut memanfaatkan penelitian data korpus DBP yang keseluruhannya berjumlah 135,546,484 juta kata telah dimasukkan ke dalam pangkalan data korpus –terkini Ogos 2024 (Portal Rasmi DBP, 2024). Data korpus yang disediakan oleh DBP merupakan data bahasa Melayu yang didatangkan dalam dua bentuk, iaitu: (i) bentuk lisan seperti buku, majalah, surat khabar, makalah, monograf, dokumen, kertas kerja, efemeral, puisi, drama, kad bahan, surat, risalah dan sebagainya, serta (ii) bentuk lisan yang ditranskripsikan seperti ucapan, wawancara, temu bual, perbualan, dan sebagainya dalam pelbagai bentuk rakaman. Hishamudin Isam et al. (2014) merumuskan bahawa korpus ialah himpunan data daripada teks lisan atau tulisan (pelbagai genre) yang memperlihatkan ciri-ciri bahasa semula jadi (bahasa yang digunakan secara nyata), tersimpan secara sistematik dalam bentuk pengkomputeran linguistik dan boleh diproses untuk mendapatkan maklumat linguistik dan kebahasaan (berkaitan struktur, sistem, tatabahasa) mengenai sesuatu bahasa.

Dari segi kelebihan penggunaan data korpus sebagai sampel kajian pula, Fazal Mohamed Mohamed Sultan et al. (2012) menyatakan bahawa korpus mempamerkan kepelbagaiannya data dalam pelbagai situasi hingga menjadikan fenomena berbahasa sangat rencam. Tambahan pula, penyelidikan yang memanfaatkan data korpus dapat menutup ruang ‘kajian kering dan gersang’ dalam bagi ilmu tatabahasa dalam bidang disiplin linguistik. Penelitian data korpus DBP dalam kajian ini penting bagi melihat kekerapan kemunculan, keproduktifan dan penggunaan sebenar kata berimbuhan *se-* dalam konteks semasa sebagaimana yang telah disarankan oleh kajian Zaharani Ahmad et al. (2012). Menyedari akan kepentingan tersebut, kajian ini menggunakan sumber korpus bagi melihat variasi taburan imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu. Sarjana semisal Hasmidar Hassan (2023) berpandangan bahawa penggunaan korpus dalam kajian morfologi

merupakan satu pendekatan yang baik kerana data raya yang terjana dan terhimpun dalam pangkalan data dapat dimanfaatkan untuk kajian tentang penggunaan imbuhan, variasi imbuhan, pembentukan kata, binaan ayat dan ragam ayat yang digunakan oleh pengguna bahasa Melayu.

Mark Aronoff (1985) telah menggariskan operasi Rumus Pembentukan Kata (RPK)³ ini mestilah merangkumi kedua-dua sintaktikosemantik dan morfofonologi. RPK inilah yang menentukan aspek semantik bagi outputnya sebagai suatu fungsi komposisi makna bagi kata dasarnya, serta memberikan output kepada kategori leksikal utamanya yang khusus dalam subkategorisasi tertentu. Menurut saranan kajian Zaharani Ahmad et al. (2012), antara maklumat penting yang perlu ada ketika memformulasikan RPK ini termasuklah; (a) imbuhan yang terlibat, (b) kata dasar [X] berserta kelas katanya, (c) kelas kata kata terbitan yang terhasil, serta (d) makna yang didukung oleh imbuhan terlibat. Kajian ini turut mengaplikasikan Teori Relevan (TR)⁴ yang menekankan bahawa setiap ujaran atau maklumat akan menghasilkan jangkaan yang dapat membimbing pendengar bagi memahami makna penutur atau sebarang maklumat. Menurut Norhasliza Ramli & Zeckqualine Melai (2016), jangkaan ini terhasil daripada pelbagai rangsangan luaran dan dalaman sebagai input kepada proses kognitif (proses penginterpretasian). Input akan disesuaikan dengan latar belakang pendengar yang sedia ada untuk mencapai relevan yang optimum (usaha memproses yang dianggap sebagai kos terhadap pemprosesan maklumat).

IDENTIFIKASI KATA BERBIMBUHAN *SE-* DALAM KORPUS BAHASA MELAYU

Menurut Suhila Mahamu & Agus Nero Sofyan (2021), morfem dapat diidentifikasi berdasarkan bentuk kata, kelas kata dan makna yang muncul. Hal itu sangat membantu untuk mengidentifikasi satuan morfem dalam kajian morfologi. Bagi mengidentifikasi kata berimbuhan *se-* dalam data korpus bahasa Melayu, kajian ini mengaplikasikan Prinsip Identifikasi Morfem (PIM) oleh Nida (1949) yang merangkumi enam prinsip utama yang dapat difahami seperti berikut:

1. Morf-morf yang mempunyai bentuk fonologi yang serupa boleh digolongkan sebagai satu morfem sekiranya morf-morf itu mempunyai makna atau fungsi tatabahasa yang sama.
2. Bentuk yang mempunyai persamaan semantik tetapi berbeza dalam bentuk fonemik (dari segi fonem atau susunan fonem) boleh digolongkan sebagai satu morfem sekiranya perbezaan formalnya dapat ditentukan secara fonologi.
3. Morf-morf yang sama makna dan fungsi tatabahasa, tetapi mempunyai perbezaan bentuk fonologi dapat digolongkan ke dalam morfem yang sama sekiranya penyebarannya atau taburannya tidak bertindih.
4. Satu siri bentuk yang berbeza dalam konteksnya boleh digolongkan sebagai satu morfem walaupun hanya terdapat perubahan nol.
5. Bentuk yang homofon tetapi mempunyai makna yang berbeza adalah tergolong dalam morfem yang berlainan, manakala bentuk yang homofon serta mempunyai pertalian makna adalah tergolong dalam morfem yang sama sekiranya kelas maknanya adalah selari berdasarkan perbezaan penyebaran, namun bentuk tersebut menjadi morfem yang pelbagai sekiranya kelas maknanya tidak selari berdasarkan perbezaan penyebaran.
6. Sesuatu morfem dapat dipisah-pisahkan jika morfem itu wujud dalam keadaan berikut:
 - a. Wujud secara tersendiri
 - b. Wujud dalam bentuk pelbagai kombinasi dengan sekurang-kurangnya satu daripada unit yang tercantum itu wujud secara tersendiri atau dengan kombinasi yang lain.

- c. Sebuah morf boleh juga dikenal pasti sebagai morfem sekalipun ia hanya berlaku atau wujud sekali sahaja tetapi bentuk yang berlaku dengannya itu pernah berlaku dengan morfem yang lain.

Setelah memahami prinsip-prinsip yang terkandung dalam PIM Nida (1949) yang telah dijelaskan di atas, barulah dijalankan pula penelitian terhadap data korpus bahasa Melayu melalui platform digital Korpus DBP. Penggunaan platform Korpus DBP ini penting bagi membuat carian konkordans serta menyaring data yang tepat sahaja untuk dianalisis aspek perilaku morfologi imbuhan *se-* tersebut.

RAJAH 1. Paparan Carian Konkordans dalam Data Korpus DBP

Korpus DBP - Penyelidik				
Dewan Bahasa dan Pustaka				
Carian Konkordans Carian Konkordans (Lama) Analisis Kata Statistik Bahas Senarai Bahas Mustalk Bahas Panduan Maklumat Bahas Log Keluar				
Carian Konkordans				
<input type="button" value="Senarai Konkordans"/> <input type="button" value="Koleksi"/>				
<input type="button" value="Kembali"/> <input type="button" value="Muat Turun Keputusan"/> <input type="button" value="Cari Semula"/>				
<input type="checkbox"/> Isih · <input type="checkbox"/> Tiada Isih · <input type="checkbox"/> Isih Senarai				
No.	Konteks Kiri	Kata	Konteks Kanan	Maklumat Artikel/Bahan
1	Sekurang-kurangnya hidup dia tidak terbaring	se	pergi kebanyakan pesakit strok," katanya yang bercadang untuk ...	Fazlenna Jafar, Pakar mosak Seri Mumt beraksi: kemboli. Makanan, 2005
2	... mahupun catatan dan laporan, ataupun batu-batu bersurat per	se	MUHD YUSOF IBRAHIM, Ilmu Sejarah Falasih Pengertian Kedosh dan Sejarah, 2016	
3	Perubahan ketara yang dialami	se	mergu selesa menggunakan barang berkenaan membuatkan personaliti yang ...	
4	Syed sebenarnya jarang mengadakan perbincangan produksi teater per	se	Fazlenna Jafar, Kulit leleki juga perlu contik. Kesihatian, 2005	
5	... pembina akan membina scalan yang berhubung dengan imbuhan "	se	JAMALIAH, 1993	
6	Orang-nya tidak pernah tua, bahkan	se	"tetapi apa yang selalu diadakan ialah perbincangan sesama ..."	
7	... se kian dari dan se kian jadi dan	se	DR KOH BOH BOON, PENDIDIKAN IMBUHAN SUATU PENGENALAN. Pendidikan, 1982	
8	... jiran, dia pernah datang dengan kereta Mercedes 280	se	BACH-LAIN, SA-KAPOR SIREH DARI VIETNAM. Sastera, 1961	
9	... kata adjektif, "ramai" sudah semestinya boleh menerima awalan "	se	TRADISI JOHOR-RAUJU KERTAS KERJA HARI SASTERA 1983. 1987	
10	... itu yang frugil lagi anak raja-raja yang kurang	se	TERIMA KASIH UNTUK KITA DAN KELUARGA. Majalah, 1981	
11	... sempat memotong kek yang sudah dibeli oleh rakan-rakan	se	Dr Nik Saliah Karim, Perbezaan antara banyak dan ramai. Bahasa, 2002	
12	... Ummah merangkumi parti-parti politik Melayu khususnya Parti Islam	se	JAMILAH HAJI AHMAD, HIKAYAT PARANG PUTING. Sastera, 1980	
13	misaninya me-, pe-, ber-, ter-, per-,	se	PA & MA MAC. 2002. 2002	
14	... berdatang sembah, demiliani sembahnya itu, "ha tuh[anku],	se	MOHD. SAFAR HASIM, AKHBAR DAN KUASA PERKEMBANGAN SISTEM AKHBAR DI MALAYSIA SEJAK 1806. Umum, 1996	
15	... kata adjektif, "ramai" sudah semestinya boleh menerima awalan "	se	JURNAL BAHASA APRIL 1978. Bahasa, 1979	
16	... mund bersikap sambil lewa dan menganggap bahan sastera	se	KELUARGA NOVEMBER 1981. Keluarga, 1981	
17	Perambahan Kata Bilangan	se	TUN SERI LANJANG, SULALAT AL-SALATIN (SEJARAH MELAYU). Sastera, 1997	
18	Pada tahun 1939, Kongres Kesatuan2 Melayu	se	TUNKU ABDUL RAHMAN, MB13 SA-BELEM DAN SA-LEMAS. Politik, 1969	
19	Dalam Bulugh al-Maram, Ibn Hajar telah mengambil	se	Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Mengoptimalkan,	
20	Menteri Penerangan Datuk Rais Yam meningatkan bahawa	se	ASMAH HAJI OMAR, Rekonstruktur Kata Dalam Bahasa Melayu. Bahasa, 2019	
21	... harganya baju dan kali ini ke angka 563	se	MASTIK SEPTEMBER 1969. Umum, 1969	
22	Apabila tidak berman,	se	BIOGRAFI TOHOK DAKWAH IBN HAJAR AL-ASQALANI - TOKOH.	
23		se	DEWAN BAHASA JANUARI 1988. 1988	
24	Dia sering cungku keadaan	se	Se Ri ketepikan telonan. Sukan, 1999	
25	Saya orang drama per	se	GURANG DENGAN ANSANG MIANG. Sastera, 1993	
26	... dengan sesuai, jika benar kata itu memerlukan awalan	se	Bangsat ketengah si kemisikan. Hiburan, 2005	
27	"Seluk Tikh jutu ointa, untuk	se	RAIHANI MOHD. SAID, Opereta. Sastera dan Budaya, 2018	
28	selamanya	se	AWANG SARIVAN, TERAS PENDIDIKAN BAHASA MELAYU. Pendidikan, 2018	
29	... iaitu talasemia minor (pembawa baik) dan talasemia major (se	LESTER R. BROWN DAN ERIC P. ECKHOLM, KRISIS MAKANAN. Makanan	
30	... "Kanan" UMNO, atau pertubuhan-pertubuhan lain seperti Persatuan Islam	se	Malum GHODALI PK. Luku Nering. Sejarah, 2014	
31	Penggunaan awalan (se	Nor Affizah Ibrahim, Perkawinan sesama talasemia putus dielok. Kesihatan, 2006	
32	... yang sistematik, ia sebenarnya tidak setimpal dengan persemahan	se	R. SUNTHARAINGAM & ABDUL RAHMAN HAJI ISMAIL, NACIONALISME SATU TINJAUAN SEJAHAR. Sejarah, 1965	
33	Seispa melihat	se	ASMAH HAJI OMAR, NAHU KEMAS KINI PANDUAN BAHASA YANG BAIK DAN BETUL. Bahasa, 2018	
34	"Er err se	se	Pengajaran dari Eropah. Sukan, 1998	
35	Usaha Aish mula diliktir apabila lokanannya dalam filem	se	DR AZRUL AZLAN, MUHAMMAD FARIS IZZUDIN, Tadabbur Suruh Yusof Agama, 2019	
36	... Kad Famili Singer mempunyai 250,000 ke桃uan dan diangarkan Rasanya tentulah adik sebab adik adalah perumpuan idaman	se	SUNITA SAHIDIN, Melakar Sinar. Sosial, 2019	
37	Menteri buan daranda tuuh tahlil	se	Zizou bawo kemboli sinaron. Sukan, 2005	
	(daha		Nordin Jurucuba boru Singer. Nasional, 2005	
			KELUARGA NOVEMBER 2001. Keluarga	
			NIK HASSAN SHUAHMI BIN NIK ABDUL RAHMAN, ZULSKANDAR BIN RAMLI, Prostirah dan Protosirah Tanah Melayu. Sejarah, 2018 Buku	

JADUAL 2. Penentuan Status Imbuhan *Se-* dalam Korpus DBP
Berpandukan Prinsip Identifikasi Morfem Nida (1949).

Bil.	Contoh Paparan Kata <i>Se-</i> - dalam Senarai Konkordans	Prinsip Identifikasi Morfem Nida (1949)	Status Imbuhan <i>Se-</i>
1	<u>Sekeliling</u>	Menepati Prinsip	Ada
2	<u>Sesiapa</u>	Menepati Prinsip	Ada
3	<u>Sebilangan</u>	Menepati Prinsip	Ada
4	<u>Semua</u>	Menyalahi Prinsip	Tiada
5	<u>Seri</u>	Menyalahi Prinsip	Tiada
6	<u>Seperti</u>	Menyalahi Prinsip	Tiada

Berpandukan PIM Nida (1949) yang dijadikan panduan bagi mengidentifikasi kemunculan pengimbuhan *se-* tersebut, Jadual 2 menunjukkan penentuan status berimbuhan *se-* yang tepat melalui saringan data daripada keseluruhan paparan carian konkordans yang telah disenaraikan dalam data Korpus DBP. Misalnya, paparan kata *sekeling*, *sesiapa* dan *sebilangan* dalam senarai konkordans Korpus DBP itu menepati prinsip PIM, maka status imbuhan *se-* dalam ketiga-tiga kata ini dinilaikan sebagai ada. Sebaliknya, status imbuhan *se-* dalam perkataan *semua*, *seri* dan *seperti* yang didapati menyalahi prinsip dalam PIM itu dinilaikan sebagai tiada imbuhan *se-*. Justeru, dapatlah disimpulkan bahawa bukan semua perkataan yang dimulai dengan suku kata *se-* dapat dikategorikan sebagai imbuhan *se-* hanya kerana didapati bercantum dengan sesebuah kata dasar. Setelah menentukan status imbuhan *se-* yang terdapat dalam Korpus DBP tersebut, kajian ini meneliti pula Kamus Dewan Perdana (2020) bagi mendapatkan pelabelan kelas kata yang terbit daripada proses pengimbuhan *se-* dalam bahasa Melayu.

JADUAL 3. Pengelompokan Kelas Kata Terbitan Imbuhan *Se-* dalam Bahasa Melayu.

Bil.	Kelas Kata Utama	Subkategori Kata	Contoh
1	Kata Nama (KN)	Kata Nama Am (KNA)	<i>Sesumpah, Seorang, Sesiku</i>
		Kata Nama Khas (KKN)	<i>Se-Malaysia, Se-Nusantara</i>
2	Kata Kerja (KK)	Kata Kerja Aktif (KKA)	<i>Seimbang, Sesuai, Setimpal</i>
		Kata Kerja Tak Transitif (KKtt)	<i>Setuju, Serumah, Sejumlah</i>
3	Kata Adjektif (KAdj)	Kata Adjektif Sifatan/Keadaan (KAS)	<i>Sebaik, Sepandai, Secantik</i>
		Kata Adjektif Warna (KAWn)	<i>Sebiru, Sekuning, Semerah</i>
		Kata Adjektif Ukuran (KAU)	<i>Sepanjang, Setinggi, Serendah</i>
		Kata Adjektif Bentuk (KAB)	<i>Sebulat, Sebujur, Selurus</i>
		Kata Adjektif Waktu (KAWt)	<i>Sebaharu, Secepat, Selambat</i>
		Kata Adjektif Jarak (KAJr)	<i>Sejauh, Sedekat, Sehampir</i>
		Kata Adjektif Cara (KAC)	<i>Selaju, Selincah, Secepat</i>
		Kata Adjektif Perasaan (KAPr)	<i>Sekasih, Serindu, Sesuka</i>
		Kata Adjektif Pancaindera (KAPc)	<i>Sesedap, Sepahit, Semanis</i>
4	Kata Tugas (KT)	Kata Hubung (KH)	<i>Setelah, Semasa, Sekiranya</i>
		Kata Bantu (KB)	<i>Semena-mena,</i>
		Kata Bilangan (KBil)	<i>Sepuluh, Seratus, Sejuta</i>
		Kata Adverba (KAdv)	<i>Semalam, Sering, Serentak</i>
		Kata Pembenda (KPd)	<i>-nya: Setibanya, Sesampainya</i>
		Kata Penekan (KPn)	<i>-nya: Sesungguhnya</i>
		Kata Penguat (KPt)	<i>Sekali</i>
		Kata Penegas (KPg)	<i>Sememang</i>
		Kata Sendi Nama (KSN)	<i>Sedari, Sebagai, Seumpama</i>
		Kata Pangkal Ayat (KPA)	<i>Sebermula</i>

Jadual 3 ini dirangka bertujuan untuk menjelaskan kelas kata yang dapat diterbitkan melalui pengimbuhan *se-* dalam bahasa Melayu. Pengecaman kelas kata ini penting bagi memudahkan proses pengidentifikasi dan penganalisisan data perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu dapat dilakukan. Contoh-contoh kata terbitan imbuhan awalan *se-* yang disenaraikan dalam jadual tersebut juga akan dibincangkan dengan lebih terperinci pada bahagian objektif kedua.


MENCERAP PERILAKU MORFOLOGI IMBUHAN *SE-* DALAM BAHASA MELAYU

Setelah mengidentifikasi imbuhan awalan *se-* daripada keseluruhan senarai carian konkordans yang dipaparkan dalam Korpus DBP berpandukan PIM Nida (1949), kajian ini beralih pula kepada objektif yang kedua, iaitu mencerap perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu melalui pemanfaatan dua kerangka teori. Kedua-dua kerangka teori yang dimaksudkan ialah Rumus Pembentukan Kata (RPK) oleh Mark Aronoff (1976) bagi mencerap fungsi dan taburan imbuhan *se-*, manakala Teori Relevan (TR) oleh Sperber dan Wilson (1995) pula diaplikasikan bagi mencerap makna imbuhan *se-*. Perilaku morfologi bagi sesebuah imbuhan mestilah dicerap secara holistik melalui pemerian terhadap tiga aspek yang utama, iaitu fungsi, taburan dan makna.

FUNGSI IMBUHAN *SE-*

Dari segi pengelasan kata bagi sesebuah perkataan dalam bahasa Melayu, fungsi imbuhan dapat diklasifikasikan kepada dua kelas utama, iaitu sebagai penetap golongan dan pengubah golongan. Penetap golongan merujuk kepada perihal berlakunya penghasilan kelas kata baru bagi kata terbitan yang terbentuk daripada pengimbuhan *se-* dengan kata dasarnya, manakala penetap golongan pula dapat difahami sebagai pengekalan kelas kata sedia ada bagi kata terbitan yang terbentuk daripada pengimbuhan *se-* dengan kata dasarnya. Bagi memastikan ketepatan dalam peletakan fungsi imbuhan *se-* ini, maka perlulah dipastikan dahulu status kelas kata bagi kata dasar sesebuah perkataan itu sebelum menerima pengimbuhan *se-* dengan merujuk pengelasan kata yang ditetapkan dalam buku tatabahasa Melayu yang autentik serta membuat rujukan silang dengan Kamus Dewan Perdana (2020).

RAJAH 2. Dwifungsi Imbuhan *Se-* dalam Bahasa Melayu



JADUAL 4. Pengimbuhan *Se-* dan Pengelasan Kata Terbitannya dalam Bahasa Melayu.

Bil.	Fungsi Imbuhan <i>Se-</i>	Kata Dasar (Kelas Kata)	Kata Terbitan (Kelas Kata)
1	Penetap Golongan	Dari (KSN)	Sedari (KSN)
		Cantik (KAdj)	Secantik (KAdj)
		Bagai (KT)	Sebagai (KT)
2	Pengubah Golongan	Tahu (KK)	Setahu (KN)
		Tubuh (KN)	Setubuh (KK)
		Bermula (KK)	Sebermula (KT)

Contoh carian konkordans yang menunjukkan fungsi imbuhan *se-* sebagai penetap golongan:

- “Wajah mereka riang saja ***sedari*** tadi.”
- “Dialah yang berhak memiliki perempuan yang ***secantik*** bidadari ini.”
- “Anggap pekerja ***sebagai*** rakan-rakan yang kita hormati supaya mereka juga menghormati kita.”

Contoh carian konkordans yang menunjukkan fungsi imbuhan *se-* sebagai pengubah golongan:

- “*****Setahu***** saya nama saya masih dalam senarai.”
- “...maka maharaja Dasarata pun sudah *****setubuh***** lalu menjadikan dirinya seperti kanak-kanak itu”
- “*****Sebermula***** Sultan Mahmud Syah terlalu kasih akan Tun Fatimah...”

Berdasarkan data yang dipersembahkan dalam Rajah 2, Jadual 4 serta kesemua contoh carian konkordans imbuhan *se-* yang diklasifikasikan mengikut fungsi imbuhan tersebut, dapatlah dirumuskan bahawa imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu ini sebenarnya bersifat dwifungsi (sebagai penetap golongan dan pengubah golongan) yang dapat mengekalkan atau mengubah golongan kelas kata yang terbit daripada proses pengimbuhan *se-*.

TABURAN IMBUHAN *SE-*

Bagi memperlihatkan taburan imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu, kajian ini menggunakan RPK serta memaparkan contoh kata terbitan yang menepati perangkaan rumus tersebut. Selain itu, turut dibahaskan secara tuntas berkenaan nuansa perbezaan antara rumus yang dilihat seakan-akan serupa, namun berbeza.

JADUAL 5. Taburan Imbuhan *Se-* dalam Rumus Pembentukan Kata Berimbahan Tunggal.

Jenis Pengimbuhan	Bil.	Rumus Pembentukan Kata	Contoh Kata Terbitan
Pengimbuhan Tunggal	1	[<i>se</i> [X] _{KN/KK}] _{KN}	saudara, setahu, sefaham, sesiapa
	2	[<i>se</i> [X] _{KN/KK}] _{KT} KT - {KPA/KH/KB/KBil/KAdv/KPn/KPd/KPt}	sebermula, sesudah, selaksa, sewaktu, se-Siam
	3	[<i>se</i> [X] _{KAdj}] _{KT} KT - {KAdv}	sepandai-pandai, semena-mena, sekonyong-konyong,
	4	[<i>se</i> [X] _{KAdj}] _{KAdj}	secantik, sebaik, seburuk

5	$[se [X]_{KT}]_{KT}$ KT – {KH/KSN}	<i>sedari, seumpama, sebagaimana</i>
6	$[se [X]_{KN/KAdj}]_{KKt}$	<i>setuju, sedarjah, sekadar, setara</i>

Berdasarkan Jadual 5, imbuhan awalan *se-* yang dibentuk melalui pengimbuhan tunggal dapat menerbitkan enam RPK. RPK 1 bermaksud penanggaman imbuhan *se-* dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kelas KN atau KK akan menerbitkan KN sebagai kelas katanya. Berpandukan taburan *se-* dalam RPK 1 ini, awalan *se-* berstatus dwifungsi. Dalam RPK 1 ini, imbuhan *se-* boleh berfungsi sebagai pengubah golongan jika kelas kata X itu ialah KK seperti *setahu, sefaham* dan *seingat*. Sebaliknya, awalan *se-* itu akan berfungsi sebagai penetap golongan sekiranya kelas kata X pada kata dasarnya tersebut berkelas KN seperti *saudara, sesumpah* dan *sesiapa*.

Berbeza pula dengan bentuk RPK 2 yang menunjukkan penanggaman imbuhan awalan *se-* dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kelas KN atau KK akan menerbitkan KT sebagai kelas katanya. Namun, bukan semua jenis KT mampu diterbitkan melalui RPK 2 tersebut, kajian ini mendapat hanya terdapat lima kategori KT yang mampu diterbitkan, iaitu KPA, KH, KB, KBil atau KAdv. Berdasarkan taburan *se-* dalam RPK 2 ini, awalan *se-* berfungsi sebagai pengubah golongan kerana kata dasar X yang pada awalnya berkelas KN atau KK itu berubah menjadi kata terbitan imbuhan *se-* berkelas KT. Contohnya, *sebermula* (KPA), *sewaktu* (KH), *sesudah* (KB), *seratus* (KBil) dan *se-Siam* (KAdv)

RPK 3 bererti penanggaman imbuhan awalan *se-* dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kelas KAdj akan menerbitkan KT (khususnya KAdv) sebagai kelas katanya dalam kedua-dua zaman serta berfungsi sebagai pengubah golongan. Kata terbitan imbuhan *se-* yang berkelas KAdv tersebut pula boleh berlaku dalam bentuk KAdv jati seperti perkataan *semalam* atau KAdv penggandaan separa seperti *sepandai-pandai*.

Sebaliknya, RPK 4 merujuk kepada penanggaman imbuhan awalan *se-* dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kelas KAdj akan menerbitkan kelas KAdj sebagaimana kata dasarnya dan berfungsi sebagai penetap golongan. Meskipun dilihat seakan-akan sama, tetapi terdapat perbezaan yang ketara antara pengimbuhan *se-* yang menerbitkan kelas KAdv seperti “*sepandai-pandai tupai melompat...*” berbanding pengimbuhan *se-* yang menerbitkan kelas KAdj seperti “*sepandai tupai melompat...*” Bagi membezakan antara kedua-duanya, kita perlu melakarkan garis perbandingannya terlebih dahulu, iaitu dengan cara memahami pentakrifan KAdj dan KAdv serta melihat perbezaan perilaku morfologinya. Nik Safiah Karim et al. (2015) mendefinisikan KAdv yang tergolong dalam KT ini sebagai perkataan yang menerangkan KK, KAdj, KN dan KSN dari segi cara, masa dan tempat, manakala KAdj pula didefinisikan sebagai perkataan yang menjadi unsur inti dalam binaan FAdj. Dari segi perilaku morfologi bagi kedua-dua contoh tadi, pengimbuhan *se-* sebagaimana dalam peribahasa “*sepandai-pandai tupai melompat...*” berfungsi sebagai pengubah golongan, dikategorikan sebagai taburan dalam RPK 3 serta membawa makna perumpamaan kebersanggatan pandai/hebat dalam perbuatan jahat seperti melompatnya tupai; sedangkan pengimbuhan *se-* yang menerbitkan kelas KAdj seperti “*sepandai tupai melompat...*” hanya membawa makna persamaan.

RPK 5 bermakna penanggaman imbuhan *se-* dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kategori kelas KT akan kekal menerbitkan KT sebagai kelas katanya dan secara tidak langsungnya telah menunjukkan fungsi imbuhan *se-* sebagai penetap golongan. Namun, kelas KT sebagai kata dasar dan kata terbitan dalam RPK 5 ini hanya khusus bagi KH dan KSN yang tertentu sahaja. Misalnya, *se+dari* dalam kelas KSN akan kekal berkelas KSN seperti kata dasarnya, yakni dari. Begitu juga bagi kelas KH pancangan seperti *se+hingga* yang kekal kelas katanya seperti kata dasarnya, yakni hingga.

Bentuk taburan RPK 6 ini dirangka daripada pendapat Halimah Wok Awang dalam Abdullah Hassan (2005) yang menyatakan bahawa awalan *se-* dapat ditambahkan pada dasar KK (hanyalah pada KK Tak Transitif) dan KN. Kehadiran imbuhan *se-* dengan KAdj amat luas sekali dan begitu juga dengan KN termasuk yang telah menerima imbuhan *-an, peR-...-an dan ke-...-an*. Kehadiran imbuhan *se-* dapat menerbitkan bentuk KKtt dengan membawa maksud ‘sama’. RPK 6 bermaksud penanggaman imbuhan *se-* dengan kata dasar [X] yang tergolong dalam kelas KA atau KN akan menerbitkan KKtt sebagai kelas katanya. Dalam rumus tersebut, imbuhan *se-* berfungsi sebagai pengubah golongan. Misalnya, kata *sedarjah, sekadar, setara, sebesar dan sejumlah*.

JADUAL 6. Taburan Imbuhan *Se-* dalam Rumus Pembentukan Kata Berimbahan Kompleks.

Jenis Imbuhan	Bil.	RPK	Contoh Kata Terbitan
Pengimbahan Kompleks	1	[ke [se [X] _{KN/KK/KAdj} <i>an</i>] _{KAdj}	<i>kesepaduan, kesesuaian, keseimbangan</i>
	2	[beR [se [X] _{KN/KK}]KK	<i>bersetubuh, bersekutu, bersepado</i>
	3	[beR [se [ke [X] _{KK} <i>an</i>]KK	<i>bersekedudukan, berseketiduran</i>
	4	[beR [ke [se [X] _{KK} <i>an</i>]KK	<i>berkesefahaman, berkesesuaian</i>
	5	[peR [se [X] _{KK/KN} <i>an</i>]KN	<i>persepakatan, persenyawaan, persetujuan</i>
	6	[peN [se [X] _{KK/KN} <i>an</i>]KN	<i>penyepaduan, penyelarasan,</i>
	7	[meN/di [se [X] _{KK} <i>i</i>]KK	<i>menyepakati</i>
	8	[meN/di [se [X] _{KK} <i>kan</i>]KK	<i>menyeimbangkan, menyelaraskan</i>
	9	[memper/di [se [X] _{KK} <i>i</i>]KK	<i>mempersetujui</i>

Berdasarkan Jadual 6, imbuhan awalan *se-* juga sebenarnya boleh ditemui dalam strata pertengahan yang melibatkan pengimbahan kompleks serta dapat menerbitkan sembilan RPK. Berikut merupakan beberapa contoh carian konkordans yang menunjukkan taburan imbuhan awalan *se-* dalam rumus pembentukan kata berimbahan kompleks:

- “Dengan adanya konsep *****kesepaduan***** ilmu ini, Insya-Allah, kita dapat ...”
- “Keengganan untuk *****bersetubuh***** di pihak isteri boleh membawa kepada tebus talak...”
- “Dengan kata lain, *****bersekedudukan***** dilihat sebagai perkahwinan percubaan.”
- “...penghormatan kepada yang lebih tua, *****berkesefahaman***** dengan alam sekitar dan nilai hidup bermasyarakat.”
- “*****Persepakatan***** dan taat setia menteri-menteri yang dilantik memudahkan urusan pentadbiran.”
- “*****Penyepaduan***** unsur identiti budaya dalam industri pelancongan akan menangani dua persoalan.
- “Nasser sendiri tidak *****menyetujui***** cara kekerasan amalan organisasi Persaudaraan Muslimin.”
- “Akaun ini berperanan untuk *****menyeimbangkan*****imbangan keseluruhan.”
- “Dengan *****mempersetujui***** kedua-dua tawaran itu, Haji Zaidan penuh yakin bahawa dia telah menang.”

MAKNA IMBUHAN *SE-* DALAM BAHASA MELAYU

Bagi memerikan aspek makna imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu, kajian ini telah mengaplikasikan teori yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson (1995), iaitu Teori Relevan (TR). Dalam kerangka TR ini, terdapat tiga gagasan utama yang ditekankan, iaitu konteks, kesan konteks dan kos atau usaha memproses. Menurut Ahmad Harith Syah Md. Yusuf (2008), TR ini dikaitkan dengan kognisi kerana pencipta teori ini berpendapat bahawa peranan otak terlibat dalam merancang komunikasi bagi penutur dan menganalisis mesej bagi pihak pendengar. Justeru, bagi mencerap makna imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu, kajian ini akan mengambil kira elemen konteks, kesan konteks dan kos atau usaha memproses dalam kata terbitan yang dibentuk daripada pengimbuhan tunggal *se-*. Walau bagaimanapun, bahagian ini hanya memfokuskan aspek makna imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu berdasarkan enam RPK yang dibentuk melalui pengimbuhan tunggal sahaja kerana pengimbuhan kompleksnya memerlukan huraian TR yang lebih panjang dan berstrata.

JADUAL 7. Makna Imbuhan *Se-* dalam Bahasa Melayu Berdasarkan RPK 1.

RPK 1	Makna	Contoh
[<i>se-</i> [X] _{KN/KK}] _{KN}	a) “mengesakan/menunggalkan X”	<i>seekor, seorang</i>
	b) “sepanjang X”	<i>setahu, sefaham, seingat</i>
	c) “perkongsian X”	<i>sedesa, serumah, senegeri</i>
	d) “menyingkatkan X”	<i>sesumpah</i>
	e) “menidaktentukan/generalisasi X”	<i>sesiapa, seseorang, semahu</i>

Berpandukan Jadual 7 di atas, RPK 1 bagi imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu ini dapat menerbitkan lima makna yang berbeza-beza mengikut konteks ayatnya, iaitu membawa makna (a) “mengesakan/menunggalkan X”, (b) “sepanjang X”, (c) “perkongsian X”, (d) “menyingkatkan X”, dan (e) “menidaktentukan/generalisasi x”. Pertamanya, imbuhan *se-* dalam RPK 1 pada asasnya membawa konteks makna “mengesakan/menunggalkan X” sebagaimana yang difahami oleh majoriti penutur jati bahasa Melayu seperti *seekor* dan *seorang*. Dari segi huraian TR berkenaan makna-makna imbuhan *se-* dalam RPK 1 adalah seperti berikut:

1. Makna imbuhan *se-* dalam RPK 1 (a) ini memberi kesan konteks dari segi pemahaman pendengar secara jelas dengan usaha memproses maklumat kognitif yang rendah, iaitu RPK 1 menjelaskan suatu bentuk pengesaan atau penuggalan makna kuantiti bagi kata dasar berkelas KN tanpa ada kiraan selepasnya seperti dua, tiga dan nombor yang lain. Jika melibatkan pengiraan, maka kata terbitannya sudah dikategorikan sebagai KBil di bawah KT yang hanya muncul melalui RPK 2 yang akan dibincangkan sesudah ini.
2. Imbuhan *se-* dalam RPK 1(b) boleh membawa konteks makna “sepanjang X” seperti *setahu, sefaham* dan *seingat*, yang memberikan kesan konteks kepada pendengar yang memerlukan usaha memproses kognitif yang sederhana, iaitu RPK 1 (b) ini bukanlah membawa makna penunggalan, sebaliknya mengandungi suatu bentuk frasa yang meringkaskan maksud sepanjang atau limitasi melalui pengimbuhan dengan KK (*tahu, faham* dan *ingat*) dan boleh diterjemahkan sebagai “*sepanjang pengetahuan saya*”, “*sekadar yang saya fahami* atau *sependapat*” atau “*setakat yang saya ingat*”.
3. Imbuhan *se-* dalam RPK 1 (c) pula membawa konteks makna “perkongsian X” seperti *sedesa, serumah* dan *senegeri* yang menggambarkan kesan konteks kepada pendengar melalui usaha memproses maklumat kognitif yang sederhana, iaitu RPK 1 (c) merujuk

kepada suatu bentuk perkongsian kepemilikan, tempat atau kedudukan bagi kata dasar berkelas KN.

4. Imbuhan *se-* dalam RPK 1 (d) boleh membawa konteks makna “menyingkatkan X” seperti *sesiku* dan *sesumpah* yang memberikan kesan konteks kepada pendengar bahawa makna imbuhan *se-* ini bertujuan untuk meringkaskan kata dasarnya yang berkelas KN daripada penggandaan dalam bentuk asalnya, iaitu *siku-siku* dan *sumpah-sumpah*. Makna ringkasan ini melibatkan jenis Kata Nama Ganda (KNG), iaitu penggandaan separa kata nama tunggal yang merangkumi aspek makna penanda nama haiwan seperti *sesumpah* yang asalnya *sumpah-sumpah* atau penanda makna kesamaan seperti *sesiku* yang asalnya *siku-siku*. Maka, dapat dikatakan bahawa usaha pendegar dalam memproses maklumat kognitif ini adalah tinggi kerana mereka perlu mengetahui terlebih dahulu bentuk KNG bagi sesebuah perkataan itu sebelum menerima pengimbuhan *se-*.
5. Imbuhan *se-* dalam RPK 1 (e) pula membawa konteks makna “menidaktentukan /generalisasi X” seperti *sesiapa*, *seseorang* dan *semahu* yang difahami kesan konteksnya oleh pendengar dengan usaha memproses maklumat kognitif yang sederhana agar dapat memahami bahawa imbuhan *se-* dalam RPK 1 (e) ini sebagai suatu bentuk generalisasi atau frasa yang tidak mengkhususkan maknanya kepada satu perkara atau individu sahaja.

JADUAL 8. Makna Imbuhan *Se-* dalam Bahasa Melayu Berdasarkan RPK 2.

RPK 2	Makna	Contoh
[<i>se-</i> [X] _{KN/KK}] _{KT} KT – {KPA/KH/KB/KBil/KAdv/KPn/KPd/KPt}	a) “menguatkan X” b) “mensejenakkan X” c) “menerangkan X” d) “mengira X”	<i>sesungguhnya, sebermula,</i> <i>semestinya</i> <i>sesudah, sejurus, seusai</i> <i>se-Siamnya, sehari-sehari, sebelum</i> <i>sembilan, sepuluh, seribu</i>

Jadual 8 di atas menunjukkan RPK 2 bagi imbuhan *se-* yang dapat menerbitkan empat makna yang berbeza, iaitu (a) “menguatkan X”, (b) “mensejenakkan X”, (c) “menerangkan X”, dan (d) “mengira X”. Makna-makna dalam RPK 2 dapat difahami seperti berikut dalam TR:

1. Imbuhan *se-* dalam RPK 2 (a) membawa konteks makna “menguatkan X” seperti *sesungguhnya, sebermula* dan *semestinya* yang memberi kesan konteks kepada pendengar dengan usaha memproses yang sederhana, iaitu kemunculan imbuhan *se-* dalam RPK 2 (a) ini merupakan suatu bentuk penguatan terhadap makna kata dasar berkelas KN atau KK yang menerbitkan KT.
2. Imbuhan *se-* dalam RPK 2 (b) membawa konteks makna “mensejenakkan X” seperti *sesudah, sejurus* dan *seusai* yang kesan konteksnya menunjukkan masa yang hampir sekali bagi suatu hal atau perkejaan untuk difahami oleh pendengar dengan usaha memproses maklumat kognitif yang sederhana.
3. Imbuhan *se-* dalam RPK 2 (c) pula membawa konteks makna “menerangkan X” seperti *se-Siamnya, sehari-sehari, sebelum* yang meninggalkan kesan konteks kepada pendengar dengan usaha memproses maklumat kognitif yang sederhana agar mereka memahaminya sebagai suatu bentuk penerangan terhadap makna kata dasar berkelas KN bagi menerbitkan kata berkelas KAdv di bawah KT.
4. Imbuhan *se-* dalam RPK 2 (d) membawa konteks makna “mengira X” seperti *sembilan, sepuluh* dan *seribu* yang menggambarkan kesan konteks kepada pendengar melalui

usaha memproses maklumat kognitif yang sederhana, iaitu kemunculan imbuhan *se-* ini bermakna suatu bentuk pengiraan berdasarkan *sa* sebagai nilai digitnya kerana perkataan seperti sembilan (asalnya: *sa+ambilan*) memerlukan pendengar berfikir untuk mengurangkan satu digit daripada sepuluh, dengan cara mengambil satu daripada unit puluh.

JADUAL 9. Makna Imbuhan *Se-* dalam Bahasa Melayu Berdasarkan RPK 3.

RPK 3	Makna	Contoh
[<i>se-</i> [X] _{KAdj}]KT KT – {KAdv}	a) “menerangkan X” b) “menunjukkan kebersangatan X”	<i>semena-mena,</i> <i>sekonyong-konyong,</i> <i>sepandai-pandai,</i> <i>selelah-lelah, sebaik-baik</i>

Jadual 9 tersebut menunjukkan RPK 3 bagi imbuhan *se-* yang menerbitkan dua makna yang berbeza, iaitu (a) “menerangkan X”, dan (b) “menunjukkan kebersangatan X”. Berikut merupakan huraian bagi kedua-dua makna tersebut berdasarkan TR:

1. Imbuhan *se-* dalam RPK 3 (a) membawa konteks makna “menerangkan X” seperti perkataan *semena-mena*, dan *sekonyong-konyong* yang membawa konteks makna kepada pendengar dengan usaha memproses maklumat kognitif yang sederhana, iaitu RPK 3 (a) ini menerangkan makna kata dasar berkelas KAdj bagi menerbitkan kata berkelas KAdv di bawah KT. Perbezaan antara makna “menerangkan X” yang terdapat dalam RPK 3 (a) dengan RPK 2 (c) yang diterangkan sebelum ini hanyalah dari segi kelas kata dasarnya sahaja.
2. Imbuhan *se-* dalam RPK 3 (b) membawa konteks makna “menunjukkan kebersangatan X” seperti *sepandai-pandai*, *selelah-lelah* dan *sebaik-baik* yang hadir dalam bentuk penggandaan penuh bagi membawa kesan konteks tahap kebersangatan sesuatu kata itu kepada pendengar dengan usaha memproses maklumat kognitif secara sederhana kerana mereka perlu membezakannya dengan RPK 4 (a) pula, malah sebahagian penutur natif bahasa Melayu sendiri selalu tersilap dan terkeliru tentang perbezaan antara kedua-duanya.

JADUAL 10. Makna Imbuhan *Se-* dalam Bahasa Melayu Berdasarkan RPK 4.

RPK 4	Makna	Contoh
[<i>se-</i> [X] _{KAdj}]KAdj	a) “menyifatkan X”	<i>seburuk, secantik, sepandai</i>

Jadual 10 di atas menunjukkan RPK 4 bagi imbuhan *se-* yang menerbitkan hanya satu makna sahaja, iaitu (a) “menyifatkan X”. Makna imbuhan *se-* dalam RPK 4 (a) ini dapat difahami seperti berikut dalam lensa cerapan TR:

1. Imbuhan *se-* dalam RPK 4 (a) membawa konteks makna “menyifatkan X” seperti *seburuk*, *secantik* dan *sepandai* yang berperanan memberikan kesan konteks kepada pendengar supaya memahami penyifatan sesuatu kata itu dengan cara menerbitkan KAdj daripada kata dasar berkelas KAdj juga dan dalam masa yang sama kesan konteks

kepada pendengar itu hanya memerlukan usaha memproses maklumat kognitif yang rendah.

JADUAL 11. Makna Imbuhan *Se-* dalam Bahasa Melayu Berdasarkan RPK 5.

RPK 5	Makna	Contoh
[<i>se-</i> [X] _{KK/KSN}] _{KT}	a) “sejak X”	<i>sedari</i>
	b) “mengumpamakan X”	<i>seumpama, sebagaimana</i>
	c) “menunjukkan penghabisan X”	<i>sehingga</i>

Jadual 11 tersebut menunjukkan RPK 5 bagi imbuhan *se-* yang menerbitkan tiga makna yang berbeza, iaitu (a) “sejak X”, (b) “mengumpamakan X”, serta (c) “menunjukkan penghabisan X”. Dari segiuraian TR perihal makna-makna imbuhan *se-* dalam RPK 5 adalah seperti berikut:

1. Imbuhan *se-* dalam RPK 5 (a) membawa konteks makna “sejak X” seperti *sedari* yang difahami kesan konteksnya oleh pendengar dengan usaha memproses maklumat kognitif yang tinggi sebagai “*sejak dari*” kerana pendengar perlu membezakannya dengan bentuk kata (*sedar+i*) yang berkelas KK dan menerima imbuhan akhiran “-i”, malahan RPK 5 (a) ini merupakan kes khas yang terpakai bagi KSN *dari* sahaja.
2. Imbuhan *se-* dalam RPK 5 (b) membawa makna “mengumpamakan X” seperti *seumpama* dan *sebagaimana* yang mendatangkan kesan konteks kepada pendengar agar memahaminya melalui usaha memproses maklumat kognitif yang rendah sebagai suatu bentuk perumpamaan dalam sesebuah ayat.
3. Imbuhan *se-* dalam RPK 5 boleh membawa konteks makna “menunjukkan penghabisan X” seperti *sehingga* yang membawa kesan konteks kepada pendengar dengan usaha memproses maklumat kognitif yang sederhana kerana mereka perlu memahami perbezaan penggunaan “*hingga*” dengan “*sehingga*” yang seakan-akan sama, namun meninggalkan implikasi makna yang kecil dari segi makna dan kesalahan tatabahasanya.

JADUAL 12. Makna Imbuhan *Se-* dalam Bahasa Melayu Berdasarkan RPK 6.

RPK 6	Makna	Contoh
[<i>se-</i> [X] _{KN/KAdj}] _{KKtt}	1. “menyamakan X”	<i>sedarjah, sekelas, seberapa</i>
	2. “merangkumkan X”	<i>se-Malaysia, se-Nusantara</i>
	3. “menjumlahkan X”	<i>sejumlah, sekadar, sebanyak</i>

Jadual 12 di atas menunjukkan RPK 6 bagi imbuhan *se-* yang menerbitkan tiga makna yang berbeza, iaitu (a) “menyamakan X”, (b) “merangkumkan X”, serta (c) “menjumlahkan X”. RPK 6 ini dirangka menurut pandangan Halimah Wok Awang dalam Abdullah Hassan (2005) yang menyatakan bahawa pengimbuhan *se-* boleh menerbitkan makna KKtt. Berikut merupakan uraian bagi ketiga-tiga makna tersebut berdasarkan TR:

1. Imbuhan *se-* dalam RPK 6 (a) membawa konteks makna “menyamakan X” seperti kata *sedarjah, sekelas* dan *seberapa* yang menerbitkan KKtt dan memberikan kesan konteks kepada pendengar dengan usaha memproses maklumat kognitif yang sederhana agar memahami RPK 6 (a) ini sebagai suatu KKtt yang bermakna “sama”.

2. Imbuhan *se-* dalam RPK 6 (b) membawa konteks makna “merangkumkan X” seperti kata *se-Malaysia* dan *se-Nusantara* yang menerbitkan kesan konteks kepada pendengar melalui usaha memproses maklumat kognitif yang sederhana dengan memahami RPK 6 (b) ini sebagai suatu bentuk perangkuman makna bagi kata dasar berkelas KN.
3. Imbuhan *se-* dalam RPK 6 (c) membawa konteks makna “menjumlahkan X” seperti kata *sejumlah, sekadar* dan *sebanyak* yang menggambarkan kesan konteks kepada pendengar melalui usaha memproses maklumat kognitif yang sederhana agar memahami RPK 6 (c) ini dalam bentuk penjumlahan dan bukannya sekadar pengiraan sebagaimana RPK 2 (d).

KESIMPULAN

Pencerapan khusus berkaitan perilaku morfologi imbuhan *se-* yang diketengahkan dalam makalah ini merupakan suatu usaha awal pengkaji untuk memperkaya khazanah penyelidikan linguistik moden khususnya dalam bidang morfologi serta mengarusperdanakan semula imbuhan *se-* yang dilihat kurang mendapat perhatian daripada para pengkaji sebelumnya. Melalui pemanfaatan sumber data Korpus DBP sebagai data raya korpus terbesar bagi bahasa Melayu di Malaysia, makalah ini telah menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan menggunakan teknik analisis korpus, bagi mengidentifikasi kata berimbuhan *se-* dalam korpus bahasa Melayu berdasarkan PIM Nida (1949) serta menganalisis perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu. Tuntasnya, kajian ini mendapati bahawa perilaku morfologi imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu mempunyai dwifungsi, iaitu sebagai penetap dan pengubah golongan; 15 bentuk taburan imbuhan *se-* berdasarkan RPK yang merangkumi enam RPK dalam pengimbuhan tunggal dan sembilan RPK dalam pengimbuhan kompleks; serta 17 makna yang dapat dicerap melalui TR. Diharapkan pada masa akan datang, lebih banyak lagi penerokaan terhadap pelbagai aspek berkaitan imbuhan *se-* dan imbuhan bahasa Melayu yang lain dijalankan oleh para pengkaji bagi mengetengahkan keunikan bahasa Melayu dan seterusnya memperkaya khazanah kosa ilmu bahasa Melayu seiring dengan kemajuan teknologi semasa.

NOTA HUJUNG

1. Penggunaan istilah pengimbuhan dalam tatabahasa Melayu ini juga bersinonim dengan istilah ‘penambahan’ (Asmah Haji Omar, 2009), ‘afiksasi’ atau dalam istilah nahu bahasa Melayu klasiknya dikenali sebagai ‘penanggaman’ (Muhammad Syukri Rosli, 2021). Walau bagaimanapun, istilah yang paling popular dan digunakan secara meluas pada masa kini ialah pengimbuhan sebagaimana yang diterapkan oleh acuan preskriptif Tatabahasa Dewan sebagai sumber rujukan utama yang diarusperdanakan dalam pendidikan.
2. Lihat selanjutnya dalam Shaharir Mohamad Zain (2022) yang telah membangkitkan isu menarik tentang Pemeribuman Nahu secara khusus dalam kajiannya dan turut menyentuh fokusnya berkaitan usaha pentakhtaan semula awalan *bar-/ba-, ka-, mar-, pa-* dan *sa-* yang dilihat tersisih dalam nahu bahasa Melayu pada masa kini.
3. Rumus Pembentukan Kata (RPK) atau dalam bahasa Inggerisnya dikenali sebagai Words Formation Rules (WFR) merupakan suatu formulasi morfologi berdasarkan kata yang melihat hakikat makna kata terbitan setelah melalui proses pengimbuhan kata. Salbia Haji Hassan (2004) menyatakan bahawa melalui operasi RPK, setiap perkataan baharu yang berhasil mendapat keahlilan leksikalnya, yang dinyatakan dalam bentuk kurungan berlabel, contohnya [X]KN. Menurutnya lagi, perkataan-perkataan ini juga mengandungi maklumat subkategorisasi termasuk fungsi semantik yang ada pada kata dasar. Haruslah diingat bahawa pengaplikasian RPK ini tidak menambahkan prefiks dan sufiks yang sama secara serentak dan tidak juga

menambah satu afiks dengan cara melupuskan satu afiks yang lain. Oleh itu, RPK perlu menandai jenis sempadan yang memisahkan kata dasar daripada afiks dengan menggunakan simbol "#". Simbol "#" akan hilang apabila perkataan menerima kurungan berlabel kategori leksikal []. Kurungan berlabel yang menandakan taraf perkataan diberikan singkatan nama kategori kelas kata, misalnya [X]KK, sementara simbol "+" pula telah digunakan untuk menggandingkan antara kata dasar dan afiks.

4. Teori Relevan ini telah dipelopori oleh sarjana barat, Dan Sperber dan
5. Deirdre Wilson, (diringkaskan sebagai Sperber dan Wilson atau S & W oleh sebahagian pengkaji) pada tahun 1986 dan diperkemaskan teori tersebut pada tahun 1995. Maka, kajian ini menerapkan TR yang telah diperkemaskan pada tahun 1995 sebagai acuan penganalisisan data bagi makna imbuhan *se-* dalam bahasa Melayu.

RUJUKAN

- Ahmad Harith Syah Md. Yusuf. 2008. *Fungsi Makna Imbuhan Awalan peN-*: Satu Analisis Teori Relevans. Tesis Sarjana Sains Sosial. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Ahmad Harith Syah Md. Yusuf & Suzzana Othman. 2012. Imbuhan Akhiran Kata Nama –*an* dalam Bahasa Melayu: Analisis Berdasarkan Teori Relevan. Proceedings of the 2nd International Conference on Arts, Social Sciences & Technology. Penang, Malaysia. 3-5 Mac.
- Ahmad Ya'qub al-Johori. 2021. *Lidah Melayu*. Ulang Cetak. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Arbak Othman. 1989. *Nahu Bahasa Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti.
- Asmah Hj. Omar. 2009. *Nahu Melayu Mutakhir*. Edisi ke-5. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2018. *Nahu Kemas Kini: Panduan Bahasa yang Baik dan Betul*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ch. A. Van Ophuijsen. 1983. *Tata Bahasa Melayu*. Jakarta: Djambatan.
- Constantinus Alting Mees. 1969. *Tatabahasa dan Tatakalimat*. Singapura: University of Malaya Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2020. *Kamus Dewan Perdana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Fazal Mohamed Mohamed Sultan, Norsimah Mat Awal & Harishon Radzi. 2012. Pemantapan Pembinaan Linguistik Berasaskan Korpus. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Halimah Wok Awang. 2005. Imbuhan dalam Bahasa Malaysia. Dlm. Abdullah Hassan (Peny.). *Rencana Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasmidar Hassan. 2023. Kajian Linguistik Bahasa Melayu Bersumberkan Korpus. Kekuatan dan Kelemahannya. *PENDETA*, 14(1), 23-34.
- Hishamudin Isam, Mashetoh Abd. Mutualib & Faizah Ahmad. 2014. Memanfaatkan Program Daftar Kata Percuma dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa: Analisis Kata Berasaskan Data Korpus. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 39 (2), 115-123.
- Imran Ho Abdullah & Hazimah Yusof. 2015. Produktiviti Imbuhan *Mem-*, *Memper-* dan *Memper-kan*: Pendekatan Linguistik Korpus. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 41-62.
- Intan. 1991. *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: INTAN.
- Marrison, G. E. 1975. The Early Cham Language and Its Relationship to Malay. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. 48(2), 52-59.

- Mark Aronoff. 1985. *Word Formation in Generative Grammar*. Edisi ke-3. USA: Massachusetts Institute of Technology.
- Muhammad Syukri Rosli. 2021. *Pecontoh: Penanggaman Perbahasan Jawi*. Kuala Lumpur: Akademi Jawi Malaysia.
- Nida, Eugene A. 1949. *Chapter 2, The Identification of Morphemes. Morphology: The Descriptive Analysis of Words*. 2nd Edition. Ann Arbor: University of Michigan Press. pp. 6-61.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2015. *Tatabahasa Dewan*. Edisi Ketiga. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhasliza Ramli & Zeckqualine Melai. 2016. Imbuhan Ter- dari Perspektif Teori Relevans. *Jurnal e-Bangi: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 3 (Isu Khas), 145-162.
- Sabitha Marican. 2006. *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial*. Petaling Jaya: Pearson Prentice Hall.
- Saidatul Nornis Hj. Mahali. 2022. Imbuhan Akhiran Bahasa Bajau Kota Belud, Sabah. *Jurnal Melayu Isu Khas Disember*, 31-47.
- Salbia Haji Hassan. 2004. Morfologi Dialek Melayu Kuching (Sarawak). Tesis Sarjana Sastera Bahasa Melayu. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.
- Shaharir Mohamad Zain. 2022. Beberapa Isu Pemeribuman Linguistik Bahasa Melayu. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera Dan Budaya*, 1 (1), 1-49.
- Sperber, D., & Wilson, D. 1995. *Relevance: Communication and Cognition*. 2nd ed. Oxford: Blackwell Publishing.
- Suhila Mahamu & Agus Nero Sofyan. 2021. Rinsip Pengenalan Morfem dalam Bahasa Inggeris: Kajian Morfologi. *Suar Bétang*, 16 (2), 199-209.
- Zainal Abidin Ahmad. 1947. *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad, Shakira Khairudin & Nor Hashimah Jalaluddin. 2012. Perilaku Morfologi Awalan *BeR-* dalam Bahasa Melayu Klasik dan Bahasa Melayu Moden: Satu Kajian Perbandingan. *Jurnal Bahasa*, 12 (2), 181-203.
- Zaharani Ahmad & Shakira Khairudin. 2010. Imbuhan Kompleks Kata Nama *ke-...-an* Bahasa Melayu: Analisis Data Korpus. *Jurnal Bahasa*, 10 (2), 199-222.

Biodata Penulis:

Mohamad Hakimi Mohamad (BA) merupakan pelajar prasiswazah tahun akhir Program Pengajian Bahasa Melayu kohort 2021/2024 di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Kartini Abd. Wahab (PhD) merupakan Pensyarah Kanan di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu (BITARA MELAYU), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah Sintaksis Formal.